

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**  
**JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM**  
**MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN :** LISAN

**DARIPADA :** YB DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN  
[KOTA BHARU]

**TARIKH :** 17 MAC 2015

**SOALAN :**

**YB Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan langkah Kementerian membina semua hospital di negeri Kelantan di kawasan tinggi yang terhindar daripada banjir.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Penentuan ketinggian tapak bagi pembangunan hospital awam seperti juga bangunan-bangunan awam yang lain, telah dirancang dengan mengambil kira sejarah data banjir 100 tahun di kawasan tersebut. Sehubungan itu, hospital-hospital awam yang telah beroperasi kurang daripada 100 tahun sepatutnya tidak menghadapi masalah kenaikan air akibat banjir biasa yang dijangka setiap tahun.

Namun banjir besar yang melanda negeri-negeri Pantai Timur pada penghujung Disember 2014 adalah sesuatu yang di luar jangkaan dan jauh menjangkaui aras banjir yang berlaku setiap tahun.

Kebiasaananya bagi Negeri-Negeri di Pantai Timur, hanya Hospital Raja Perempuan Zainab II – HRPZ II (Kelantan) dan Hospital Dungun (Terengganu) sahaja yang kerap dinaiki air.

Sehubungan dengan itu, antara langkah-langkah yang telah diambil untuk memastikan perkhidmatan dapat diteruskan walaupun menghadapi masalah banjir ini adalah:

- i) Menggantikan blok lama yang setingkat kepada bangunan bertingkat seperti blok ACC HRPZ II.
- ii) Membina hospital baru (gantian) di lokasi yang baru contohnya Hospital Dungun.
- iii) Terdapat juga hospital-hospital yang tidak dinaiki air walaupun kawasan sekeliling dilanda banjir. KKM sedang dalam perancangan untuk menggantikan hospital-hospital ini di tempat yang lebih sesuai. Sebagai contoh Hospital Kuala Krai (baru) yang telah mula dibina dan Hospital Kemaman akan dipohon pelaksanaannya dalam RMK 11.
- iv) Pemilihan tapak-tapak hospital yang lebih bersesuaian bagi cadangan pembinaan hospital baru dan gantian di masa akan datang.
- v) Bekerjasama dengan pihak Jabatan Kerja Raya bagi menilai semula rekabentuk hospital agar mengambilkira keperluan bagi memastikan operasi hospital tidak terjejas teruk sekiranya dilanda banjir termasuk banjir yang di luar jangka.